



SIARAN AKHBAR

**MAJLIS BERDIKIR DI MASJID-MASJID UTAMA SEMPENA SAMBUTAN MAULUD NABI
MUHAMMAD SALLALLAHU 'ALAIHI WASALLAM
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
1439H / 2017M**

Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kg Bebatik Kilanas
9 Rabiulawal 1439H bersamaan 28 November 2017

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dan jabatan-jabatan di bawahnya malam ini telah mengadakan Majlis Dikir Sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Kampong Bebatik Kilanas.

Ini adalah masjid kedua daripada tiga buah masjid utama yang dipenuhi jemputan untuk berdikir di masjid-masjid berkenaan sempena dengan sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam pada tahun ini.

Hadir menyertai majlis dikir pada malam ini ialah Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Juga turut hadir ialah Yang Mulia Dr Haji Abd Manaf bin Haji Metussin, Setiausaha Tetap; Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohamed Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan) serta ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian ini dan Jabatan-Jabatan dibawahnya.

Pada malam hari Ahad, 26 November 2017 yang lepas, rombongan kementerian ini telah memenuhi undangan berdikir di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop. Hadir bersama rombongan Kementerian ini pada malam tersebut ialah Yang Mulia Dr Haji Abd Manaf bin Haji Metussin, Setiausaha Tetap dan Yang Mulia Awang Wardi bin Haji Mohammad Ali, Timbalan Setiausaha Tetap (Pelancongan).

Masjid ketiga yang akan dipenuhi undangannya ialah Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampong Sungai Akar iaitu pada malam hari Khamis, 30 November 2017 nanti. Pada malam berkenaan rombongan akan dihadiri oleh Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Aktiviti ini merupakan antara kegiatan keugamaan tahunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam sama-sama menyemarakkan sambutan bagi mengingati kelahiran junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan,
Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan,
Negara Brunei Darussalam

9 Rabiulawal 1439H / 28 November 2017.